

# Indonesia cadang 'eksport' jururawat ke Malaysia

Inisiatif penuh keperluan kekosongan, permintaan dari hospital swasta

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Indonesia merancang untuk 'mengeksport' jururawatnya ke Malaysia berikutan perkembangan pembangunan hospital swasta di negara ini.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Mohammad Iman Hascarya Kusumo, berkata perkara itu dalam peringkat awal perbincangan antara kedua-dua pihak berkaitan.

Katanya, pihaknya juga akan memastikan libat urus secara rasmi menerusi kerajaan dengan kerajaan (G2G) dapat disegerakan dalam masa terdekat, bagi mengisi kekosongan jururawat untuk hospital swasta negara ini.

"Ada permintaan jururawat Indonesia ke Malaysia. Bagaimanapun, belum ada perbincangan atau libat urus G2G antara kedua-dua negara. Setakat ini lebih kepada perbincangan tidak rasmi saja.

"Kita berhasrat untuk memulakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana perlu pastikan jururawat kami mengikut dan me-



Mohammad Iman (tengah) bersama pengamal media tempatan pada majlis berbuka puasa anjuran Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan Kedutaan Indonesia)

matuhi peraturan ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

"Lembaga Jururawat Indonesia juga diminta berbincang dengan rakan sejawat mereka di Malaysia mengenai hal ini. Apa yang kita mahu adalah untuk memastikan jururawat kami di tahap profesional kerana kerja seperti ini bukan *non skill labour* (tenaga kerja tidak mahir).

"Justeru, kita berharap perbincangan G2G antara Indonesia-Malaysia dapat dilakukan secepat mungkin pada tahun ini kerana sudah ada permintaan untuk jururawat kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika majlis berbuka puasa bersama media, di sini, kelmarin.

Difahamkan, Johor antara negeri yang memerlukan jururawat

dari Indonesia untuk bekerja di hospital swasta negeri itu.

Sekiranya hasrat itu direalisasikan, kumpulan pertama jururawat dari Indonesia akan membabitkan lebih 100 orang untuk mengisi permintaan hospital swasta di Malaysia.

## Pelancongan perubatan

Mengulas lanjut, Mohammad Iman berkata, permintaan untuk membawa masuk lebih ramai jururawat dari Indonesia susulan sambutan menggalakkan industri pelancongan perubatan dalam kalangan warga republik itu.

"Permintaan jururawat dari Indonesia disebabkan pelancongan perubatan. Ramai pesakit dari Indonesia datang ke Malaysia," katanya.

Menurut dapatan tinjauan TA Securities pada 2024, Indonesia kekal menjadi pasaran terbesar bagi pelancongan perubatan Malaysia, dengan pesakit dari negara jiran itu menyumbang 64.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelancongan perubatan.

Sementara itu, Mohammad Iman yang baru dilantik sebagai Duta Besar Indonesia ke Malaysia pada Januari lalu, berkata pengukuhan ringgit sememangnya mempunyai implikasi khususnya terhadap kedatangan pelancong dari republik itu ke Malaysia.

Beliau juga melihat prestasi baik ringgit memberi kesan limpahan ekonomi kepada Indonesia apabila menjangka lebih ramai pelancong dari Malaysia akan berkunjung ke negara itu.

## Lebih separuh golongan dewasa alami obesiti

**Kuala Lumpur:** Malaysia berdepan fenomena beban berganda mal pemakanan yang semakin ketara apabila 54.4 peratus dewasa berumur 18 tahun ke atas mempunyai berat badan berlebihan atau obesiti, sekali gus menuntut pembetulan struktur terhadap dasar dan persekitaran makanan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Kesihatan, Suhaizan Kaiat (PH-Pulau), berkata data Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendapati 29.2 peratus dewasa menghadapi hipertensi, 33.3 peratus mempunyai kolesterol terlalu tinggi dan 15.6 peratus menghidap diabetes mellitus.

"Isu pemakanan bukan sekadar soal pilihan individu atau selera peribadi, tetapi asas kepada kesihatan negara, produk-

tiviti, ekonomi dan masa depan generasi Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Penyata Jawatankuasa Pilihan Kesihatan mengenai Pemantapan Dasar Pemakanan dan Intervensi Nutrisi di Malaysia di Dewan Rakyat, semalam.

Suhaizan berkata, hasil pertemuan jawatankuasa dengan pakar, Kementerian Kesihatan (KKM) dan pengamal perubatan mendapati negara berdepan mal pemakanan dalam bentuk terlebih atau terkurang nutrisi yang tidak seimbang dan memerlukan perhatian segera.

Katanya, keadaan itu menun-



Suhaizan Kaiat

jukkan beban penyakit tidak berjangkit (NCD) bukan lagi bersifat terpencil, sebaliknya menjadi pola kesihatan populasi, malah 35.9 peratus dewasa mengalami sindrom metabolik dan lebih setengah juta dewasa dikenal pasti hidup dengan empat NCD serentak iaitu obesiti, diabetes, hidu dan hiperkolesterolemia.

Katanya, hampir 2.3 juta dewasa dilaporkan hidup dengan tiga NCD serentak yang menjejaskan kualiti hidup serta menambah beban perkhidmatan kesihatan secara berpanjangan.

Sehubungan itu, Suhaizan berkata, jawatankuasa berkenaan

mengemukakan 10 syor strategik membabitkan kementerian, agensi, pertubuhan bukan kerajaan serta pihak berkepentingan bagi memperkukuh dasar dan pelaksanaan agenda pemakanan negara secara menyeluruh.

Antara syor dikemukakan ialah memperkukuh pelaksanaan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 3.0, memperkasakan mekanisme fiskal termasuk pelaksanaan cukai minuman bergula serta pemansuhan subsidi gula dengan penyaluran semula kepada agenda kesihatan awam, selain memperluas saringan dan pengurusan penyakit berkaitan malnutrisi (DRM) di hospital dan penjagaan primer.

"Reformasi pemakanan memerlukan keberanian dasar dan komitmen berterusan," katanya. BERNAMA

# Tibi pendam antara cabaran KKM tangani penyakit

**Pesakit tidak tunjuk gejala awal, hanya dapat dikesan dalam masa berbulan**

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyakit tuberculosis (tibi) pendam, iaitu jenis tibi yang tidak menunjukkan gejala awal menjadi antara cabaran utama kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dalam mengekang penyakit tibi di negara ini.

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam, Sektor Kawalan Tibi dan Kusta, Bahagian Kawalan Penyakit KKM, Dr Shazelin Alipitchay, berkata berbeza dengan tibi aktif yang menunjukkan gejala dalam masa kira-kira dua minggu, seperti batuk ber-

terusan dan demam, tibi pendam hanya dapat dikesan dalam masa berbulan.

Malah, katanya, ada yang mengambil masa sehingga bertahun.

## **Bakteria sukar dibunuh**

Beliau berkata, mereka yang berisiko mendapat tibi jenis ini ialah pesakit diabetes, pesakit buah pinggang yang menjalani dialisis, pesakit HIV, kanak-kanak dan warga emas.

“Apabila kuman tibi ini masuk ke dalam badan seseorang, akan ada satu tempoh fasa pendam (latent), yang mana bakteria itu akan mengeram (incubate) dalam badan dan merangsang imuniti, namun tidak bergejala dan menjangkiti orang lain.

“Sifat bakteria itu sendiri sukar dibunuh, jadi antibiotik biasa yang dimakan untuk sakit tekak itu tidak dapat membunuh bakteria secara terus, sebaliknya mengambil masa sekurang-ku-

rangnya enam bulan untuk betul-betul sembuh,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemuramah oleh radio Nasional FM, dengan topik ‘Hentikan Tibi, Lindungi Komuniti’, semalam.

Sabtu lalu, media melaporkan, sebanyak 596 kes baharu tibi dikesan di seluruh negara sehingga Minggu Epidemiologi keenam tahun ini (ME6/2026) menjadikan bilangan keseluruhan kepada 3,161 kes.

Sementara itu, Dr Shazelin berkata, pesakit tibi boleh sembuh melalui antibiotik khusus, namun ia perlu diambil setiap hari selama enam bulan, dengan fasa intensif selama dua bulan.

“Ada kes tibi, yang mana pesakit selepas makan ubat selama sebulan, dia sudah rasa sihat dan batuk semakin berkurangan, jadi dia berhenti makan ubat.

“Ini bahaya. Pesakit sepatutnya perlu terus mengikut jadual makan ubat,” katanya.

“Sifat bakteria itu sendiri sukar dibunuh, jadi antibiotik biasa yang dimakan untuk sakit tekak itu tidak dapat membunuh bakteria secara terus, sebaliknya mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk betul-betul sembuh”

**Dr Shazelin Alipitchay,**  
Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam, Sektor Kawalan Tibi dan Kusta, Bahagian Kawalan Penyakit KKM



# Health clinic dietitian shortfall impacting nutrition

GOVERNMENT health clinics lack a sufficient number of dietitians to tackle disease-related malnutrition, says Suhaizan Kaiat (PH-Kulai).

According to the Parliamentary Special Select Committee on Health chairman, there are about 1,100 health clinics nationwide with only 50% having access to dietitians.

“At the same time, there are only 120 dietitians in primary care, putting it at a ratio of one

officer to between five and 10 health clinics.

“This limits their reach and makes it difficult for them to help, especially in rural areas,” he said when briefing the Dewan Rakyat on the PSSC report on Enhancing Food Policy and Nutritional Intervention yesterday.

Malaysia, he said, is facing disease-related malnutrition that is increasingly prominent and requires immediate attention.

“Food is not just a choice but

the foundations to the health, productivity, economy and future of Malaysia.”

Referencing findings from the National Health and Morbidity Survey 2023, he said risk of non-communicable disease (NCD) among adults remains high.

Some 54.4% of adults aged 18 and above are overweight or obese, whereas 29.2% of adults have hypertension, 33.3% have high cholesterol and 15.6% adults have diabetes mellitus.

“This reflects how NCDs are no longer isolated but instead a matter that warrants an immediate structural change.

“The situation is further burdened by how 35.9% of adults experience metabolic syndrome while more than half a million adults have four NCDs concurrently,” he said, adding that this impacted productivity and increased the burden on the healthcare system.

The committee, Suhaizan said,

also proposed scrapping sugar subsidies, with the allocations instead channelled to enhance healthcare agendas. Other proposals included imposing a minimum tax rate for sugary drinks.

Healthcare education must also be strengthened, he said, noting how social media was filled with content on unhealthy foods.

“We can see much of this content showing these viral meals but they are not necessarily the healthiest,” he said.

## Hospital performs awake brain surgery

**KOTA KINABALU:** Hospital Tawau has marked a significant milestone after successfully performing an awake craniotomy, underscoring the growing capabilities of healthcare services in Sabah’s east coast.

The complex brain surgery, carried out while the patient remained semi-conscious, was performed on a 48-year-old woman with brain lesions on Monday.

In a statement yesterday, the state Health Department said the patient showed a positive response following the two-hour-30-minute procedure and is now in stable condition.

“She is being closely monitored,” it said, adding that prior to the surgery, the patient had undergone another form of treatment but showed no significant signs of recovery.

The department explained that the benefit of an awake craniotomy is that doctors are able to assess the procedure’s effectiveness and monitor potential side effects that may arise during the operation.

With this successful procedure, Hospital Tawau has demonstrated its readiness to deliver specialist healthcare services comparable to state-level facilities.

This development enables residents on Sabah’s east coast to access complex surgical treatment locally, without the need for referrals to tertiary hospitals, reducing travel-related expenses and other costs.

“The Sabah Health Department will continue to strengthen specialist services and expand access to quality medical treatment for the betterment of the people,” it said.

## Consumers express approval over labelling of food at bazaars

**PONTIAN:** The act of labelling food sold at Ramadan bazaars, including listing ingredients, preparation dates and trader details, is gaining traction as an effective method to safeguard consumers and curb food poisoning cases in Johor.

The practice, which gained attention following a Facebook post by the Food Safety and Quality Division of the Labuan Federal Territory Health Department, highlights the potential benefits of increased transparency in food handling.

Most consumers say the

practice would make it easier to provide feedback or lodge complaints if the food purchased is found to be stale or unsafe for consumption.

Retired soldier Samsuri Sarip, 68, said labels showing ingredients and the time food is prepared provide greater transparency for consumers.

"At least we know when the food was cooked and what ingredients were used.

"If any issue arises, it is easier to refer to the information and file a complaint," he said when met at

the Stadium Mini Pontian Ramadan bazaar.

Amyza Nur Nasha Binti Omar, 26, said the move could strengthen consumer confidence and expressed hope that more traders would adopt the practice to ensure food safety.

"For me, this is necessary and long overdue. I have yet to see any traders in my area do so."

However, trader Nor Usma Sapinji, 40, said the measure may not be fully practical, given that most food is prepared on-site, adding that additional costs would

be involved in producing the labels.

"It's a good move, but it requires capital because we have to print the labels for the food containers.

"Traders with more resources may be able to do it," said Nor Usma, who has been selling *popiah* at the bazaar for five years.

She acknowledged that the practice could enhance customer confidence and did not rule out adopting it in the future.

Meanwhile, Johor State Health deputy director (Food Safety and Quality) Kamarudzaman Ahmad

said there is currently no law or regulation requiring Ramadan bazaar traders in the state to label the food they sell.

He said such labelling is generally mandatory for fully-processed food products, such as factory-manufactured items, unlike most Ramadan traders who prepare food on-site.

However, he said traders are encouraged to take the initiative, as labelling would make it easier for customers to contact and trace them in the event of any untoward incident. – Bernama